

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan kadar cukai yang dikenakan oleh negara-negara pembeli atas minyak kelapa sawit Malaysia. Adakah cukai yang sama dikenakan kepada negara-negara pengeksport minyak kelapa sawit yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kadar cukai import yang dikenakan oleh negara-negara pembeli ke atas minyak kelapa sawit Malaysia boleh dibahagikan kepada 3 kategori:

- i. *Most Favoured Nation* (MFN) diguna pakai oleh kebanyakan negara di dunia;
- ii. *Asean Harmonised Tariff Nomenclature* (AHTN) diguna dikalangan negara-negara anggota ASEAN, iaitu mengikut kadar cukai import dibawah *Asean Trade in Goods Agreement* (ATIGA); dan
- iii. *Preferential Rate / Tariff* digunakan di negara-negara yang telah menandatangani perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade*

SOALAN NO : 42

Agreement (FTA) dengan Malaysia samada secara dua hala atau diperingkat serantau melalui ASEAN.

Negara pengeksport minyak sawit yang lain seperti Indonesia dan Thailand juga dikenakan cukai import melalui kaedah yang sama seperti di atas. Namun, kadar *Preferential Rate / Tariff* yang dikenakan adalah berlainan mengikut Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang telah dimeterai antara negara pengeksport tersebut dengan negara rakan dagang yang terbabit.

Sekian, terima kasih.